

BEBERAPA waktu dulu, melalui kolum ini, telah saya tulis perihal "Budaya Brengsek" yang sedang melanda masyarakat kita, khususnya kalangan remaja. Sebenarnya sejak itu saya tak habis fikir bagaimana dan apa sebenarnya yang sedang kita alami, dan bagaimana pula situasinya untuk tahun-tahun menjelang. Budaya Brengsek mencakupi banyak perlakuan tidak senonoh: vandalisme, kurang ajar, melawan orang tua, mendurhakai guru, lupa di bumi mana kaki berpijak dan langit mana pula yang dijunjung, mengabaikan tanggungjawab sebagai warga negara dan menindas hak asasi orang lain.

Tetapi ianya tidak terhenti setakat itu. Telah muncul pula aneka macam budaya baru. "**Black-Metal**" pernah menyerang remaja kita, menjuruskan mereka ke lembah gelap tanpa arah dan pandu. Itu belum lagi gejala-gejala yang senantia hidup subur (dan seolah-olah tak mungkin lagi dihapuskan), seperti ketagihan dadah, bohsia, ponteng sekolah, lumba (kenderaan) haram, buli, peras ugut dan macam-macam lagi.

Dan kini, tiba-tiba muncul pula budaya "**skinhead**" (**punk**), yang sekali gus membuatkan manusia baru/moden seolah-olah telah mendapat satu lagi topeng untuk tampil di tengah khalayak. Dengan

sebagai kultur hidupnya, dan akhir-akhirnya (mungkin itu yang mereka impikan) dunia ini juga ingin mereka lentur ke arah satu sistem yang berengsek!" Ya, satu sistem hidup cara merempat, sistem hidup cara orang zaman batu, menunggu melepak di kaki lima, merayap merayau di lorong-lorong belakang, tidur di bawah jambatan, makan dari sisa buangan..."

Memang cara hidup yang demikian bukan sesuatu yang menarik. Tetapi sebagai bapa, dan sebagai ibu, kita jangan berasa cepat "selamat". Kita sepatutnya selalu musykil, dan patut pula untuk menjadi musykil, bahawa pengaruh budaya **skinhead** (**punk**) itu akan, pada suatu hari, menjadi ikutan anak-anak muda (bahkan anak-anak remaja) kita, anak-anak muda yang kita tandai sebagai "harapan bangsa". Kita. Sebenarnya setiap orang antara kita, sebagai bapa, sebagai ibu, tentu sedar, bahawa hari ini para remaja kita khususnya, sedang didedahkan kepada pengaruh negatif dalam pelbagai ciri dan aspek hidup. Kita juga sedar bahawa pada suatu keadaan, para remaja kita seolah-olah tidak diberi pilihan lagi sistem hidup seperti apa yang harus mereka gunakan, kerana sistem yang sedang melanda mereka amat kemas cengkamannya! Sistem itu pula berorientasikan kebrutalan dan kenafian! Berorientasikan

SKINHEAD: BUDAYA BRENGSEK APA PULA INI?

kata lain, manusia pun dengan sengaja merubah rupa mereka, mula-mula dengan lagak pontang-panting, huyung-hayang, tidak peduli orang keliling, kemudian entah sengaja entah telah terpaksa, tiba-tiba jadi penunggu tong-tong sampah, mengutip apa sahaja dari tong sampah, lalu akhirnya apa lagi kalau mereka sendiri tidak menjadi sampah? Kita tentu masih termangu-mangu dengan situasi-situasi "lama" yang tak pernah tamat. Seperti apa yang pernah atau mudah kita temui di Lorong Haji Taib Kuala Lumpur suatu masa dulu (ataukah masih ada hingga ke hari ini?), sebaliknya manusia-manusia sampah itu terus kita temui di mana-mana, dalam pelbagai gaya, rupa, aksi dan telatah — malahan yang halimunan sekalipun!

Kita pernah nanar gara-gara kebanjiran para penagih dadah yang sudah tidak lagi memiliki sifat manusia atau mampu tampil sebagai manusia. Kita pernah penasaran dengan masalah pelacuran yang membanjiri kota-kota besar dan kota-kota kecil juga. Belum tamatpun cerita bohsia. Belum habispun kisah andalisme. Belum selesai juga masalah peras ugut, masalah samun, masalah perogolan, masalah pembunuhan, masalah lumba haram... Dan kini merebak pula gejala "**skinhead**" - gejala di mana orang-orang waras beraksi sebagai orang gila!

Kalau tidak gila, tak akan diselongkari tong-tong sampah, tak mungkin dijamah makanan-makanan basi, takkan mungkin berebut-rebut dengan anjing dan kucing?

Tapi barang kali, seperti pernah saya ungkapkan lama dulu, dan kini saya fikir patut saya ulangi kembali, "itulah dia manusia-manusia brengsek yang sesungguhnya, atau yang sengaja memilih corak kehidupan brengsek; yang sengaja mengambil budaya brengsek

kebebasan melulu, kebebasan yang membawa kepada penghancuran norma-norma murni.

Mungkin pada satu ketika dulu, kita sekadar mendengar cerita dan berita; atau kita sekadar menonton laporan bahawa budaya **skinhead** itu cuma tumbuh dan menular di negara asing (Barat terutamanya) sahaja. Tetapi apabila media cetak dan media elektronik kita sendiri, secara penuh prihatin, mula mendedahkan bahawa telah sekian banyak anak-anak muda kita yang mula menjadi **punk** alias **skinhead**, tidak ada sebab lagi mengapa kita tidak boleh berasa bimbang. Kalau sekadar **skinhead** dari segi gaya (dengan bentuk potongan rambut dan stail pakaian), rasanya kita masih boleh tersenyum sambil menyeru dan berdoa supaya fesyen itu segera ditinggalkan. Kita tentu masih punya peluang bahawa angin songsang itu masih boleh diluruskan dengan mudah. Tetapi apabila yang dikatakan cenderung kepada **skinhead** itu sudah terceburlah begitu jauh ke lembah berlumpur, tidak ada alasan lagi untuk kita tersenyum. Bahkan untuk sekadar menggeleng. Dengan kata lain, ini adalah waktu untuk berbuat, yakni bertindak. Pada suatu tahap yang mula kronik begini, siapa saja antara kita pantas menjadi cemas; takut-takut kalau kita ini sendiri turut berpartisipasi dalam arus budaya brengsek itu! Takut-takut kita turut menggalakkan (secara tak sengaja pada awalnya, kemudian membiarkan sahaja; dan itu bermakna secara sengaja) budaya **skinhead** yang brengsek itu! Siapa tahu!

Justeru sebenarnya sejak sekian lama, banyak sudah perlakuan kita yang tersasul sepanjang meladeni peel perangai anak-anak remaja kita! Pada satu saat kita menjadi terlalu keras, sehingga

kalangan remaja memandang orang tuanya sebagai diktator, tetapi pada ketika yang lain kita menjadi terlalu toleransif, sehingga anak-anak muda kita tidak lagi berasa hormat dan tidak juga berasa takut kepada orang tua mereka.

Sebenarnya, menghadapi gejala-gejala brengsek yang cuba membudaya dalam kehidupan anak-anak muda kita itu, kita tidak boleh sama sekali bertolak ansur; tinggal lagi ketika akan bertindak, kita tidak boleh mengambil jalan algojo. Anak-anak yang dalam usia remaja, yang lembut, yang mudah dilentur, apabila dibiarkan, akan lebih jauh terjebak. Tetapi anak-anak sebegitu juga boleh jadi "gladiator" yang siap bertempur apabila mereka diprovokasi secara melulu. Apatah memang perangai manusia dalam semua peringkat usia, apa yang dilarang kepada mereka itulah yang sering hendak mereka lakukan.

Lihat sahajalah dalam budaya berpakaian. Di mana-mana sahaja kita bertemu dengan kalangan pria dan perawan, bahkan yang dewasa juga (tapi lupa yang mereka sudah berumur; masih terus mahu jadi remaja) yang gemarkan fesyen-fesyen menjolok mata, malahan fesyen-fesyen menyakitkan mata, membulukan pandangan. Sementara yang perempuan cenderung dengan pakaian-pakaian seksi, atau cenderung dengan pakaian-pakaian ala-lelaki, bertindik hampir pada setiap indera (termasuk pada tempat-tempat rahsia), yang lelaki pula cenderung menjadi perempuan! Yang perempuan berseluar ketat, yang lelaki bersubang bergelang kaki! Lebih dahsyat lagi ada yang sengaja menyarung pakaian-pakaian yang sengaja dirobek-rabik! Kononnya satu **trend!** Ataukah itu sebenarnya permulaan bagi **trendi skinhead?**

Dalam pergaulan pula, kita tidak mampu lagi menghindari pandangan. Toleh kanan, kita jumpa teruna dara berdakapan. Lari ke arah kiri, ketemu pula awang dan mek bercumbuan. Tak peduli orang keliling-kelalang. Tak peduli di tempat awam atau tempat lalu-lalang! Itu di jalanan! Di kediaman juga, di asrama atau di rumah sewa atau di rumah sendiri, sudah ada yang berani tinggal sebilik, macam suami isteri, tetapi tak pernah menikah! Terlanjur hamil dan gagal dibuang janinnya, bayinya pula yang dicampak ke tong sampah! Dan di tong-tong sampah pula para penganut **skinhead** mencari makan. Tak mungkinkah, andai kata janin yang ditemui, maka janin itu juga akan dimakan?

Aduhai! Tidakkah semua ini ciri-ciri kehancuran dan kemusnahan manusia?

Tetapi, sekali lagi, seperti telah banyak kali ditulis, apakah semua permasalahan ini, yang sesungguhnya adalah masalah atau gejala sosial yang amat berat, harus semata-mata kita persalahkan kepada para remaja kita sahaja? Tidakkah dalam keadaan yang amat rasional, kita perlu berpaling ke banyak sekali sudut:

Misalnya kepada diri kita sebagai orang tua. Kepada sistem pendidikan di dalam keluarga kita. Kepada silibus dan kurikulum pendidikan persekolahan kita. Kepada "kebebasan" berbuat apa saja di kalangan kita. Kebebasan bersuara. Kebebasan bergaul. Kebebasan menerima dan menikmati budaya kuning atau separuh kuning melalui aneka macam media. Dan kebebasan untuk "memuku-balik" sesiapa yang cuba menjadi penghalang!

Tidak wajarkah kalau itu kita bertanyakan kepada semua pihak, rakyat jelata paling bawah dan para pemimpin hingga ke paling atas?

Tidak mungkin jugakah kita tanyakan kepada pihak-pihak yang menguasai sebaran am kita, pengusaha dan pemilik akhbar dan majalah kita, pengusaha dan pemilik stesen-stesen radio dan TV kita, yang senantiasa bertambah itu?

Berapa banyak sudah majalah-majalah kita, majalah-majalah yang sengaja mencari sensasi, berapa banyak juga majalah-majalah hiburan

kita, yang seperti sengaja menjadi tukang sebar kepada budaya brengsek itu, termasuk budaya punk. Dipaparkan cerita dan beritanya, termasuk gambarnya sekali, bagaimana penyanyi itu, bagaimana aktor-aktres ini, menjalani hidup bebas lepas tanpa perkahwinan, mendapat anak di luar nikah, mendakwa telah mencapai bahagia abadi, dan tampil dengan pakaian yang aneh-aneh, antaranya seperti punk (**skinhead**) yang menggosarkan kita itu?

Berapa banyak pula filem-filem atau siri-siri drama atau **video-clips** asing dari Barat, atau dari Timur juga, yang ditayangkan di pawagam-pawagam kita, yang ditayangkan di stesen-stesen TV kita, atau yang VCDnya dijual merata-rata dengan harga murah, yang di dalamnya memaparkan perihal hidup orang-orang brengsek, termasuk orang-orang yang masuk golongan **skinhead** (yang di Barat golongan ini dianggap sebagai penganut **New-Facis** atau Fasis-Baru. Penganut Fasis-Lama pun sudah bukan main bahayanya, apatah yang Fasis-Baru).

Itu belum lagi kemasukan buku-buku gelap yang membawa cerita-cerita gelap dari sudut-sudut yang serba gelap mengenai kehidupan gelap manusia. "**Dark-Books**" ini sangat banyak diterbitkan di Barat, dan diminati pula oleh remaja seantero dunia. Jadi, apabila sudah demikian peranan yang dimainkan oleh media-massa kita, bagaimana mungkin lagi hanya anak-anak muda yang telah terpengaruh itu hendak kita persalahkan?

Yang perempuan cenderung dengan pakaian-pakaian seksi, atau cenderung dengan pakaian-pakaian ala-lelaki, bertindik hampir pada setiap indera (termasuk pada tempat-tempat rahsia), yang lelaki pula cenderung menjadi perempuan!

Di sinilah pihak-pihak yang mempunyai wewenang (yakni kuasa) dirasakan patut terpanggil untuk memainkan peranan. Merekalah yang harus campur tangan, bukan sekadar mendraf, menulis dan kemudian meluluskan sekian banyak akta dan undang-undang, tetapi juga bertindak secara berkesan. Majalah-majalah yang sengaja menyebarkan perkara sensasi, termasuk cerita-cerita tahyul-mahyul, mesti berhenti daripada menggugah minda anak-anak muda kita sehingga mereka boleh terpesong.

Majalah-majalah hiburan juga, dalam bahasa apapun, mesti sekadar melaporkan perihal seni hiburan yang positif, dan tidak lagi menjadi penyebar kepada gaya hidup tak bermoral. Tidak wajar juga untuk memuatkan gambar-gambar penuh menggoda, yang bukan lagi tergolong seksi, tapi ada kalanya mencecah kategori lucah.

Dan terutama, stesen-stesen TV kitapun perlu menjadi lebih

peka; barang kali ini harus dimungkinkan oleh pemantauan pihak berkuasa juga. Selama ini kita selalu melihat bagaimana filem-filem atau drama atau aneka macam **video-clips**, bahkan iklan-iklan pun, yang begitu sekali menonjolkan corak hidup yang melepasi batas-batas kesopanan, disiarkan tanpa sebarang amaran.

Apa perlunya stesen-stesen TV kita mengudarakan filem-filem atau drama-drama yang tidak lain kecuali menampilkan tema-tema hidup tanpa nikah, tema-tema lesbian dan homoseks, tema-tema kejahatan, tema-tema gelandangan? Apa perlunya ditayangkan **video-clips** yang terang-terangan membawa mesej dan motif **sex**? Itu belum lagi filem-filem yang terang-terangan bersikap propaganda agama asing (termasuk Yahudi), atau kuasa-kuasa asing, yang selalu memandang "rendah" terhadap kita. Dan stesen-stesen radio kita, para DJnya, tidakkah patut lebih bersikap sensitif berhubung **sensitiviti** pendengar? Perbualan-perbualan dengan pendengar tidak wajar mengketengahkan perihal **sex** (yang bukan untuk mengajar). Lagu-lagu yang disiarkan tidak wajar yang memuja kehidupan tanpa moral walaupun iramanya indah.

Benar, kepentingan penonton dan pendengar mesti diambil kira; masukkan-masukkan iklan pula mesti diutamakan. Tetapi kalau semuanya sekadar hendak memuaskan hati sebahagian penonton-pendengar, atau semata-mata untuk meraup sekian banyak iklan, akhirnya ke mana pula perginya sebuah pertanggungjawab untuk membina manusia-manusia "berharga" demi menjana sebuah bangsa dan sebuah negara yang juga memiliki ciri-ciri "berharga"?

Tengoklah betapa banyaknya **telenovela** atau **soap-opera** yang ditayangkan secara bersaing oleh stesen-stesen TV kita itu. Apakah semuanya boleh dianggap sebagai wadah membina moral? Tidakkah antaranya sekadar memaparkan krisis demi krisis, konflik demi konflik dan penganiayaan demi penganiayaan antara manusia belaka, yang pada akhirnya akan dileraikan dengan pembunuhan (yakni jenayah?)

Moral apa yang hendak kita petik dari kisah-kisah seumpama itu?

Selebihnya, patut juga kita pertanyakan kepada pengusaha-pengusaha telefilem atau nanti **telenovela** kita sendiri, yang menerbit atau mengedar hasil-kerja mereka melalui format **VCD**, tidakkah mereka juga berasa terpenggil untuk menjadi agen bagi membina dan membentuk remaja kita ke arah menjadi remaja yang terampil tahan uji dan punya keinsafan untuk mencintai negara-bangsa sendiri?

Kalau memang telah sedia ada "rasa terpenggil" itu, maka usahakanlah drama-drama dan edarkanlah **VCD-VCD** drama itu secara meluas, tapi hendaklah isinya terlepas daripada segala macam unsur yang merosakkan akhlak khalayak. Kita tidak bermaksud menanyakan soalan-soalan yang memerlukan jawapan "penuh tanggungjawab" ini kepada pengedar-pengedar **VCD**, yang original mahu pun yang mengedar cetak-rompak. Kita tahu mereka hanya mencari keuntungan. Tetapi atas sikap mereka sebagai manusia, tidakkah mereka juga berasa prihatin, kecewa dan buntu-akal melihat gejala **brengsek**, termasuk **skinhead** (**punk**) mula merenak di hadapan mereka, yang siapa tahu bakal mempengaruhi anggota keluarga (adik-adik atau anak-anak) mereka sendiri. Jika sedikit sahaja mereka mempunyai perasaan seperti itu, patutlah mereka juga tidak menjual semua jenis **VCD**

kepada pembeli. Mereka patut tahu **VCD** jenis apa yang wajar sampai ke tangan pengguna, dan yang mana pula patut dijauhkan dari pasaran!

Tetapi lebih penting dan sangat berperanan adalah para pemantau dan penguat kuasa yang di tangan mereka terenggang undang-undang. Mereka mungkin datang dari semua Jabatan (atau Kementerian). Merekalah yang mesti lebih berani, lebih tegas dan lebih arif. Merekalah yang boleh bertindak ke atas pihak mana sekali pun: sama ada ke atas stesen TV-Radio, ke atas penerbit/pencetak majalah, ke atas pengedar dan penjual apa sahaja medium berbentuk bacaan dan tontonan. Tidak cukup sekadar menyerbu kilang-kilang cetak rompak **VCD**; tidak cukup juga sekadar membuat operasi terhadap pengedar-pengedar majalah atau **VCD** lucah, sedang pada masa yang sama, masih ada media yang dengan mudah menyiar atau menayangkan apa sahaja bahan tanpa mengambil kira kesan negatifnya.

Sebenarnya tidaklah mengejutkan andai kata saranan kita ini disanggah, bahkan dikritik oleh banyak pihak. Pasti ramai yang akan berbalik kepada "Hak Asasi Manusia", yakni kepada kebebasan untuk bersuara, untuk menulis, mencetak, menyiar dan menyebarkan apa sahaja bahan bacaan/tontonan. Tetapi ada satu perkara yang mesti diingat. Sementara kita berasa kita patut bebas berbuat apa sahaja, sebenarnya kita masih juga perlu balik ke pangkal persoalan. Kalau terbukti kerana prinsip "kebebasan berbuat dan kebebasan bersuara" itu boleh mendatangkan mudarat, seperti penyebaran budaya **brengsek** seumpama budaya **skinhead** itu, maka erti "kebebasan" itu hendaklah ditelaah kembali!

Dengan kata lain, ada ketikanya semua orang boleh menuntut untuk berbuat sesuai dengan Hak Asasi Manusia mereka, atau sesuai dengan kebebasan mereka untuk bersuara dan berbuat; tapi ada juga ketikanya orang mesti balik kepada hukum dan peraturan (peraturan agama, peraturan adat, peraturan negara), semata-mata untuk menjamin kesejahteraan hidup masyarakat seluruh, di mana di dalam masyarakat yang "seluruhnya" itu pula, terselit orang-orang yang berasa mereka bebas berbuat apa sahaja tadi!

Tak peduli di tempat awam atau tempat lalu-lalang! Itu di jalanan! Di kediaman juga, di asrama atau di rumah sewa atau di rumah sendiri, sudah ada yang berani tinggal sebilik, macam suami isteri, tetapi tak pernah menikah! Terlanjur hamil dan gagal dibuang janinnya, bayinya pula yang dicampak ke tong sampah! Dan di tong-tong sampah pula para penganut **skinhead mencari makan. Tak mungkinkah, andai kata janin yang ditemui, maka janin itu juga akan dimakan?**

